

Gaji minimum swasta dilaksana Jun-Julai 2011
Malaysiakini.com
October 16, 2010

Gaji minimum sektor swasta akan dilaksanakan seawal-awalnya pada Jun atau Julai tahun depan, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam.

Beliau berkata, bagaimanapun tahap minimum gaji berkenaan hanya akan diputuskan semasa pembentangan cadangan di kabinet pada Mac tahun depan.

"Sebelum itu kita akan tubuhkan Majlis Penetapan Gaji Kebangsaan dan sebelum majlis itu ditubuh satu akta akan digubal dan dibentang dalam sesi parlimen akan datang.

"Setelah majlis itu dibentuk, ia akan diberi tanggungjawab untuk tentukan cara mana nak tetapkan gaji minimum itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Konvokesyen ke-3 Universiti AIMST, di Sungai Petani hari ini.

Subramaniam berkata, penetapan gaji berkenaan akan berdasarkan kepada sama ada di peringkat kebangsaan, wilayah atau sektor.

Katanya, kemungkinan semua kaedah itu akan digunakan tetapi ia mesti sesuai dengan keadaan dalam negara selaras dengan pembangunan ekonomi, kebolehan untuk wujudkan peluang pekerjaan dan tidak menjejaskan keupayaan negara untuk menarik pelabur asing.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/145544>